

ACTIMOL SYRUP 120MG/5ML

Paracetamol (120mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan ActiMol Syrup
2. Bagaimana ActiMol Syrup
3. Sebelum menggunakan ActiMol Syrup
4. Cara menggunakan ActiMol Syrup
5. Semasa menggunakan ActiMol Syrup
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan ActiMol Syrup
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan ActiMol Syrup

ActiMol Syrup digunakan untuk melegakan demam termasuk demam selepas vaksinasi, selain merawat sakit kepala dan gejala selesema dan selesema. Selain itu, ia juga mengurangkan kesakitan sakit gigi dan ketidakselesaian gigi.

Bagaimana ActiMol Syrup berfungsi

ActiMol Syrup berfungsi sebagai analgesik (melegakan kesakitan) dan antipiretik (anti-demam) dengan sifat anti-radang yang minimum.

Sebelum menggunakan ActiMol Syrup

Ubat ini mengandungi PARACETAMOL.
Dilarang mengambil ubatan lain yang mengandungi PARACETAMOL dalam masa yang sama.

Amaran alergi: Paracetamol boleh menyebabkan reaksi kulit yang teruk.

Gejala mungkin termasuk kemerahan kulit, lepuh atau ruam. Ini mungkin tanda-tanda keadaan serius. Sekiranya reaksi ini berlaku, hentikan penggunaan dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera.

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ActiMol Syrup dan berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika:

- anda alah kepada Paracetamol atau bahan lain di dalamnya
- anda tidak pasti jika anda perlu mula mengambil ubat ini.

- Sebelum mula menggunakan ActiMol Syrup

Beritahu doktor jika:

- anda alah kepada Paracetamol.
- anda mempunyai masalah buah pinggang atau hati.

ActiMol Syrup perlu diberikan dengan berhati-hati kepada pesakit masalah buah pinggang atau hati. ActiMol Syrup juga perlu diberikan dengan berhati-hati kepada pesakit yang mengambil ubat-ubatan lain yang memberi kesan kepada hati.

Mengandung dan menyusukan anak

Produk ini adalah untuk digunakan pada kanak-kanak.

Berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengandung, merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan bayi sebelum mengambil ubat ini.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda tentang ubat-ubatan yang anda ambil termasuklah semua ubat-ubatan yang

anda beli tanpa preskripsi dari kedai farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan lain. Kesan-kesan beberapa ubat-ubatan mungkin terjejas sekiranya ubat-ubatan lain digunakan pada masa yang sama.

Jangan mengambil ubat-ubatan lain yang mengandungi Paracetamol pada masa yang sama.

Beritahu doktor anda jika anda menggunakan ActiMol Syrup dengan kombinasi ubat yang berikut:

- Ubat antikoagulan (menghalang darah beku) seperti *warfarin* dan *coumarin*.
- Ubat pencetus enzim hati seperti *barbiturates*, antidepresen trisiklik dan alkohol.
- *Metoclopramide* atau *domperidone* (untuk merawat dan mengelakkan loya dan muntah).
- Ubat antiviral (untuk merawat jangkitan virus), *cholestyramine* (untuk menurunkan kadar kolesterol dalam darah).
- Antikonvulsan (untuk merawat serangan epilepsi) dan pil perancang (pil kawalan kelahiran).

Cara menggunakan ActiMol Syrup

Sentiasa mengambil ubat ini sepertimana yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda. Baca arahan pada label dengan teliti. Periksa dengan doktor atau ahli farmasi sekiranya anda tidak pasti.

Jangan mengambil lebih daripada dos yang disyorkan.

- Berapa banyak harus digunakan

Doktor atau ahli farmasi anda akan menasihati anda tentang berapa banyak yang harus digunakan untuk setiap satu hari dan untuk berapa lama

ACTIMOL SYRUP 120MG/5ML

Paracetamol (120mg/5ml)

anda perlu menggunakannya. Ini bergantung kepada keadaan anda dan bergantung jika anda ada mengambil ubat-ubatan yang lain atau tidak. Berikut merupakan dos yang digalakkan untuk digunakan:

Untuk dos yang tepat, timbang berat anak anda dan tentukan dos yang akan diberikan berdasarkan 15 mg Paracetamol untuk setiap kg berat badan.

Untuk ActiMol Syrup 120mg/5ml, Dos:

$$\frac{BW \text{ (kg)} \times 15 \text{ mg} \times 5 \text{ ml}}{120 \text{ mg}}$$

Contoh dos mengikut berat:

BERAT (kg)	DOS (ml)
4 – 5 kg	2.5 ml
6 – 7 kg	3.5 ml
8 – 9 kg	5 ml
10 – 11 kg	6 ml

Tidak digalakkan untuk kanak-kanak di bawah 1 bulan.

Bagi kanak-kanak di bawah 3 bulan, jika demam berterusan lebih daripada 24 jam (4 dos), dapatkan nasihat perubatan. Ini adalah untuk memastikan bahawa demam yang mungkin disebabkan oleh jangkitan yang serius dapat didiagnosis dengan segera.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan pada label dengan berhati-hati dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan mengambil ubat lebih dari 4 kali dalam masa 24 jam dan jangan

melebihi dos melainkan ditetapkan oleh doktor atau ahli farmasi.

- Berapa lama perlu digunakan

Ikut arahan pada label dengan berhati-hati dan seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Tanya doktor atau ahli farmasi anda mengenai apa yang perlu anda lakukan jika anda terlupa mengambil ubat ini. Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Jika ia hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan ambil ubat itu pada masa yang dijadualkan seterusnya.

Jangan mengambil ubat tambahan untuk menggantikan dos yang tertinggal. Ini boleh meningkatkan peluang anda mendapat kesan-kesan sampingan yang tidak diingini.

- Jika mengguna berlebihan (terlebih dos)

Dapatkan bantuan perubatan kecemasan jika anda fikir anda telah mengambil ubat ini terlalu banyak walaupun tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan yang segera.

Gejala pengambilan ActiMol Syrup yang berlebihan termasuklah muntah, sakit perut, tekanan darah rendah dan berpeluh. Kesan yang paling serius dari pengambilan yang berlebihan akut adalah kegagalan organ hati yang boleh menyebabkan kematian.

Semasa menggunakan ActiMol Syrup

- Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat ini mengikut arahan doktor.

- Beritahu doktor dan ahli farmasi jika anda alah kepada Paracetamol.
- Beritahu doktor anda dan ahli farmasi apa ubat-ubatan preskripsi dan bukan preskripsi yang anda ambil.
- Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang mengambil ActiMol Syrup.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda telah hamil semasa mengambil ubat ini.
- Anda seharusnya menghubungi doktor atau ahli farmasi anda jika simptom berlarutan (jika kesakitan itu berlarutan sehingga lebih 10 hari, jika terdapat kemerahan atau demam yang berlarutan sehingga 3 hari).

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berkongsi ActiMol Syrup dengan orang lain, walaupun tanda-tanda atau keadaan mereka kelihatan serupa dengan anda.

Jangan mengambil ubat ini untuk merawat sebarang aduan lain melainkan jika diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Jangan mengambil minuman beralkohol dengan ActiMol Syrup.

Elakkan penggunaan yang berpanjangan dengan dos yang tinggi.

Memandu dan mengendalikan mesin:

ActiMol Syrup tidak memberikan kesan signifikan pada keupayaan anda

ACTIMOL SYRUP 120MG/5ML

Paracetamol (120mg/5ml)

untuk memandu atau mengendalikan mesin. Jika ubat ini menyebabkan anda sakit, rasa pening atau kesakitan kepala, jangan memandu atau mengendalikan mesin. Hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, ActiMol Syrup boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk menjawab apa-apa soalan yang anda mungkin ada.

Kesan-kesan sampingan ActiMol Syrup biasanya tidak serius, walaupun reaksi hematologi pernah dilaporkan.

Kesan penting seperti kiraan platelet rendah, sel darah putih yang rendah, kiraan neutrofil yang rendah, sel darah merah dan putih yang rendah serta kiraan platelet, menghasilkan jumlah methemoglobin yang tidak normal, sel darah putih yang sangat rendah dan bengkak di permukaan bawah kulit.

Sementara itu, kesan sampingan yang jarang berlaku ialah tekanan darah rendah dan degupan jantung yang cepat. Untuk kesan sampingan pada gangguan perut dan usus adalah loya, muntah dan sembelit.

Untuk kesan sampingan pada gangguan sistem saraf adalah sakit kepala. Untuk kesan sampingan pada

gangguan psikiatri adalah masalah tidur. Untuk kesan sampingan pada gangguan kulit dan tisu bahagian bawah kulit adalah kemerahan kulit dan kulit gatal. Untuk kesan sampingan yang berpotensi membawa maut adalah kerosakan hati dan kecederaan buah pinggang.

Reaksi hipersensitiviti kulit yang lain termasuklah ruam kulit, bengkak di permukaan bawah kulit (angioedema) dan sindrom *Stevens Johnson / Toxic Epidermal Necrolysis* juga telah dilaporkan.

Kesan-kesan sampingan lain yang tidak disenaraikan di atas boleh berlaku pada sesetengah pesakit. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mendapati apa-apa yang membuat anda berasa tidak sihat.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web np.ra.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan ActiMol Syrup

- Penyimpanan

Jauhi ubat-ubatan dari jangkauan kanak-kanak.

Jangan mengambil ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang diterterakan pada pek bungkusan.

Simpan dalam bekas yang tertutup rapat di tempat yang kering, di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

- Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Sirap oren dengan bau oren.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Setiap 5ml mengandungi Paracetamol 120mg.

- Bahan tidak aktif:

Methylparaben, propylparaben, saccharin sodium, polyethylene glycol, sugar granular, glycerin, propylene glycol, citric acid monohydrate, sodium citrate, colour FDC yellow, orange flavour dan purified water.

- Nombor MAL:

MAL21116031XZ

Pengilang

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (200401023395)
Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd (200401023395)
Lot 24 & 25, Jalan Perusahaan Lapan, Bakar Arang Industrial Estate, 08000 Sungai Petani, Kedah Darul Aman, Malaysia.

ACTIMOL SYRUP 120MG/5ML

Paracetamol (120mg/5ml)

Tarikh kemaskini RiMUP

02/10/2023

Nombor Siri

NPRA (R2) 21/076